

12/05/2002

Kaji kelemahan kita

Syed Akbar Ali

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kebanyakan negara Islam kini mundur kerana penduduknya masih dibelenggu pemikiran lama yang turut dikuasai kepercayaan khurafat.

Di negara kita misalnya, ada ulama membawa kepercayaan karut menjadi ejen kemunduran yang menghalang umat Melayu daripada mencapai pembangunan minda yang perlu untuk mencetuskan kemajuan dan kejayaan dalam hidup. Ramai ulama terkenal masih menggunakan air jampi, menjadi tukang sihir dan penghalau jin. Tidak ada sesiapa pun menghalang mereka daripada melakukan perkara itu.

Amat sedih kita melihat gambar dalam akhbar yang menunjukkan orang Islam meminum dan membasuh muka dengan air dari tepi Gunung Jerai atas kepercayaan air itu boleh menyembuhkan penyakit dan menolak bala. Yang menyedihkan lagi kenyataan Jabatan Kimia bahawa air itu dikesan mengandungi bakteria E- Coli dan juga racun serangga dari dusun di atas bukit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal mengenai orang Islam yang tidak dapat membuat apa pun untuk membantu rakyat Palestin. Bagaimanakah orang Islam boleh membantu orang lain jika mereka sendiri dalam keadaan lemah dan kekurangan?

Seorang tokoh agama tempatan yang berkaliber dalam kertas kerjanya berkata: "Sebut saja negara Islam di dunia hari ini, maka zahirlah di sana kecelaruan politik, kelemahan ilmu, kekecohan sosial, kejumudan ulama dan kebodohan pemimpin".

Seterusnya beliau menambah: "Sekarang ini di Timur Tengah, hari-hari rakyat Palestin dibunuh tentera Yahudi. Bahkan rumah dan pejabat Yasir Arafat sudah dibom sehingga hancur."

Seluruh umat Islam juga tunjuk perasaan dan mengutuk pembunuhan itu. Apakah kesannya kutukan itu? Mereka berdoa dan sembahyang hajat di serata masjid untuk menyelamatkan umat dan negara Islam.

Orang Islam juga disesatkan daripada mencapai kejayaan hidup oleh ulama yang tidak berilmu dan tidak mempunyai kepakaran, terutama sekali dalam hal agama. Sebagai contoh, seorang imam di Palestin berkhotbah bahawa pada satu hari nanti tentera Islam akan menewaskan tentera Yahudi dan mengejar mereka sehingga mereka terpaksa menyorok di belakang pokok dan batu. Pada waktu itu pokok pula akan bercakap dan mendedahkan tempat Yahudi menyorok. Cuma sejenis pokok bernama pokok Gharkad yang tidak akan mendedahkan tempat Yahudi bersembunyi kerana pokok Gharkad ini pokok Yahudi.

Apakah gunanya bercerita seperti ini? Sejak bila pokok boleh bercakap? Dan sejak bila pokok boleh pilih bulu antara Yahudi dan Arab? Ulama yang kononnya mendapat pendidikan agama yang tinggi harus menjauhkan diri daripada khurafat dan kepercayaan syirik dan lebih banyak menolong orang Islam daripada menyesatkan mereka.

Di sebuah sekolah kawalan yang ternama di ibu kota, murid-murid Islam dikehendaki menghadiri upacara qiyamulail dari jam enam petang hingga 12 malam untuk sembahyang hajat dan berdoa berjaya dalam peperiksaan. Ketika menyertai sukan 'white water rafting', penulis pernah menyaksikan latihan bina semangat oleh sekumpulan peserta Islam disuruh sembahyang hajat di tepi sungai sebelum mengharungi arus.

Kejayaan dalam peperiksaan adalah hasil daripada membuat latihan kerja dan mengulang kaji pelajaran - perkara yang diamalkan oleh murid bukan Islam yang juga mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Sebenarnya

itulah yang dikehendaki Islam terhadap orang Islam.

Orang Islam jangan ikut contoh burung unta yang membenamkan kepala dalam tanah untuk mengelak daripada menerima hakikatnya bahawa orang Islam di seluruh dunia dalam keadaan tenat. Kecuali di Malaysia, Turki dan beberapa negara padang pasir yang mempunyai sumber minyak yang diusahakan oleh orang Barat, orang Islam di seluruh dunia tidak mampu pun untuk mencari rezeki yang baik dan halal dengan mudah. Seperti disebut Pak Lah, mereka juga bergelumang dalam khurafat dan pimpinan bodoh yang mengakibatkan mereka berpecah dan berpuak-puak.

Ketika kita marah kekejaman Yahudi di Palestin, jangan kita lupa tidak ada satu pun negara Islam yang mengadakan demonstrasi untuk menghentikan peperangan Iraq - Iran pada tahun 80-an yang meragut hampir tiga juta nyawa orang Islam. Begitu juga negara Islam tidak mempedulikan sengketa di Algeria di mana wanita dan kanak-kanak turut dikerat leher mereka oleh kumpulan militan sehingga hari ini. Sebaliknya, negara Jerman dan Scandinavia pernah menghantar pemerhati dan pasukan pencari maklumat ke Algeria untuk membantu mencapai kedamaian.

Ketika Bangladesh berjuang untuk kebebasan daripada penjajahan Pakistan, lebih 250,000 wanitanya dirogol oleh tentera Pakistan dan beratus ribu rakyat Bangladesh terbunuh. Tidak ada satu pun persidangan atau bantahan negara Islam untuk mengutuk perbuatan tentera Pakistan itu. Sebaliknya, penulis pernah mendengar ceramah seorang maulana terkenal di sebuah masjid yang mengatakan bahawa kehilangan Bangladesh daripada genggamannya Pakistan adalah perkara yang paling buruk yang menimpa tamadun Islam sejak kejatuhan Baghdad ke tangan orang Mongol. Maulana itu langsung tidak kesali kehilangan nyawa atau pencabulan wanita yang telah berlaku sewaktu peperangan pembebasan Bangladesh.

Oleh kerana mereka jauh daripada ajaran Allah dan Rasul-Nya yang sebenar maka perbuatan mereka lebih menimbulkan masalah daripada membawa penyelesaian yang baik.

Mereka juga dijangkit penyakit 'bodoh sombong' ia itu penyakit kronik yang melarang mereka daripada menyedari kelemahan sendiri. Bagi mereka semua perkara yang mereka buat adalah betul walaupun kegagalan mereka amat ketara.

Dalam negara kita apabila dihadapi kenyataan bahawa ramai graduan bidang agama menganggur dan tidak dapat berfungsi secara produktif dalam masyarakat, ada orang yang mempertahankannya dengan berkata bahawa graduan bidang agama mempunyai kekuatan dalaman dan prinsip yang kukuh serta teguh dalam menghadapi cabaran alam pekerjaan seperti rasuah, pecah amanah dan pelbagai salah laku yang lain. Sebenarnya ini kepercayaan takbur yang menghampiri syirik. Tidak ada jaminan seorang yang berpendidikan agama ada kekuatan dalaman yang melebihi orang yang berpendidikan sains, doktor perubatan, undang-undang atau perakaunan.

Yang menggemparkan kita baru ini ialah kes guru agama yang melakukan kelucahan melampau terhadap seorang murid lelaki 13 tahun yang sedang tidur di asrama. Ke mana perginya ketahanan dalaman guru agama itu?

Negara kita juga masih dilanda perpecahan akibat daripada tindakan ulama politik untuk membela orang yang menyalahi undang-undang. Sebelum itu mereka mengutuknya kerana pada waktu itu beliau dalam parti lawan. Walaupun mereka juga mendapat pendidikan agama, hipokrit ulama politik amat terserlah.

Kes Taufik Abdul Halim atau Dani yang menjadi ahli kumpulan militan agama yang dijatuhi hukuman bunuh di Indonesia atas kesalahan meletup bom di pusat membeli-belah adalah cerita orang bodoh juga. Niat Taufik untuk membunuh orang awam tetapi anak murid ulama sesat ini sudah kehilangan kakinya sendiri akibat letupan bom yang dibawanya itu. Kemudian Taufik mengakui kesalahannya pula yang memudahkan mahkamah menjatuhkan hukuman

bunuh terhadapnya. Di Malaysia pula paling ramai ulama politik tidak percaya kumpulan militan itu wujud. Mereka melemparkan fitnah sandiwara terhadap penangkapan kumpulan ganas militan itu.

Kita sedang mencuba membina negara berbilang kaum yang saling hormati dan toleran terhadap bangsa dan agama lain. Tetapi ada juga guru agama mengajar anak Islam supaya jangan berkawan dengan murid bukan Islam. Mereka bekerja untuk merosakkan segala usaha kita untuk mewujudkan negara di mana orang Islam yang majoriti akan tetap menghormati dan menjaga hak kaum minoriti. Memang itulah tuntutan Islam yang sebenarnya. Sebaliknya, ada guru agama sering mengingatkan murid-murid Islam bahawa orang bukan Islam tidak akan masuk syurga. Sebenarnya tidak ada jaminan orang Islam pun boleh masuk syurga kecuali mereka bertaubat dan mengumpulkan amal salih yang cukup yang akan diterima pada Hari Kiamat. Tanpa amal salih dan keimanan yang bebas daripada syirik dan khurafat orang Islam pun tipis peluangnya masuk syurga.

Kekuatan dalaman atau tidak, manusia yang tidak produktif tidak dapat berfungsi dengan baik dalam masyarakat moden. Mereka akan menimbulkan pelbagai masalah lain yang menjadi beban kepada masyarakat.

Islam agama Allah yang baik yang tujuannya ialah untuk membantu manusia mencapai kesenangan dalam hidup. Tetapi dalam negara kita pasangan muda dibelenggu syarat menghadiri kursus kahwin kerana beberapa kerat ulama yang berpengaruh berpendapat kursus kahwin ini dapat menyelesaikan masalah pukul bini, bercerai awal, ibu tunggal dan gejala yang serupa yang lebih membabitkan orang Islam daripada orang bukan Islam. Sehingga kini tidak ada sebarang bukti atau perangkaan rasmi yang membuktikan kursus kahwin ini membantu sesiapa pun kecuali ustaz yang membuat duit daripada mengendalikan kursus kahwin swasta.

Mengikut laporan akhbar juga sebahagian daripada 25 pasangan Orang Asli yang melangsungkan perkahwinan secara beramai-ramai menjadi cemas apabila beberapa pengantin lelaki sukar melafazkan akad. Sebenarnya lafaz akad itu tidak patut dijadikan perkara yang susah. Bukan semua mazhab memerlukan syarat 'lafaz dalam satu nafas' ini yang sering menimbulkan masalah. Penulis pernah melihat proses lafaz ini dipercepatkan dengan menulis dulu lafaz akad itu dan terus dibaca saja.

Cara itu diterima juga oleh kadi yang melangsungkan perkahwinan. Kenapa cara ini tidak diterima pakai secara rasmi untuk memudahkan majlis pernikahan ?

Pokoknya, kenapa menyusahkan orang jika kita boleh memudahkan sesuatu perkara ? Tetapi inilah pendekatan yang diambil oleh paling ramai guru dan pengamal agama iaitu untuk menyusahkan orang lebih daripada membantu mereka. Islam dijadikan suatu agama yang susah yang tujuannya sering untuk menyukat keimanan orang lain melalui ujian dan upacara yang berlebihan.

Firman Allah bermaksud: "Bukanlah Kami turunkan al-Quran kepada engkau supaya engkau menjadi susah. Melainkan jadi peringatan bagi orang yang takut" -Surah 20:2.

Allah mewahyukan ajaran al-Quran untuk memudahkan penghidupan manusia, bukan untuk menyusahkannya. Dan kaedah mempermudah penghidupan manusia ini akan membawa kejayaan juga.

Firman Allah bermaksud: "Dia yang mengutus Rasul-Nya dengan (membawa) petunjuk dan agama yang benar, supaya agama itu mengalahkan semua agama. Dan Allah cukup menjadi saksi" - Surah 48:28.

Semua orang Islam mesti mempunyai keyakinan penuh terhadap janji Allah ini. Jika kita hidup sengsara atau jika orang lain dapat melebihi kita, ia bermaksud bahawa formula kita itu tidak betul. Kita sudah tersingkir daripada ajaran Allah yang sebenarnya. Dalam keadaan yang demikian kita mesti berani mengkaji semula fahaman dan pegangan kita untuk mengenal pasti secara rasional dan logik di manakah kesilapan kita. Menepuk dada

atau mengeraskan kepala tidak akan membawa sebarang penyelesaian.  
(END)